



# PETIKAN TITAH



"Kearah mencapai tiga matlamat utama Wawasan Brunei 2035, Kerajaan Beta sedang melaksanakan Economic Blueprint dan juga sedang merangka strategi melalui Social Blueprint dan Manpower Blueprint. Beta berharap, setiap strategi yang sedang dan akan dilaksanakan melalui blueprint-blueprint berkenaan akan mendapat dukungan padu daripada pelbagai stakeholders.

Sedia disedari, bahawa ekonomi negara sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran, termasuk peningkatan kadar inflasi, yang turut didorong oleh ketegangan geopolitik di peringkat global. Ini, telah mendedahkan Brunei kepada cabaran pahit imported inflation yang membawa berlakunya kenaikan harga barang di negara ini. Kadar inflasi telah meningkat dari 3.8 peratus kepada 4.7 peratus, iaitu kadar tertinggi pernah direkodkan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Beta akan terus berusaha untuk meminimakan kesan kenaikan harga barang dengan memastikan bekalan dan sekuriti makanan adalah stabil dan mencukupi.

Dalam memulakan tahun 2023, semua lapisan rakyat dan penduduk perlu bertekad untuk menjalani kehidupan bersih tanpa diganggu oleh gejala-gejala buruk seperti rasuah, pecah amanah, menyalahgunakan kuasa dan menaqih dadah. Jika ini dapat dihindari, bererti satu kelebihan bagi Brunei.”

TITAN

KEBAWAH DIUL YANG MAHA MUJTA

**KEDAWATI BULU TANG MATA MOLLA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SEMPENA MENYAMBUT TAHUN BARU MASIHI 2023



## **SIDANG EDITORIAL CANANG**

### **Penasihat:**

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan  
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

### **Pengerusi:**

Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus  
Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

### **Pengarang/Sumber Berita:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Jabatan Penerangan

### **Susun Atur dan Penyelaras**

Unit Perhubungan Awam  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

### **Penyunting**

Yang Mulia Dayang Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha  
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Pruf dan Penyemakan:**

Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abd bin Haji Abd Wahab  
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Fotografi:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat

### **Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:**

Jabatan Penerangan

## SUMBANGAN BAGI TABUNG KEMANUSIAAN BANJIR PAKISTAN 2022



**Bandar Seri Begawan, Khamis, 12 Jamadilakhir 1444/5 Januari 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima dua sumbangan bagi Tabung Kemanusiaan Banjir Pakistan 2022, iaitu daripada Kementerian Pertahanan berjumlah Dua Ribu Sembilan Ratus Empat Belas Ringgit (BND2,914.00) dan daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berjumlah Sepuluh Ribu Ringgit (BND10,000.00). Majlis berlangsung hari ini di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir menerima sumbangan tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sumbangan bagi pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang berjumlah BND10,000.00 telah disampaikan oleh Yang Mulia Mejai Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, manakala sumbangan daripada Kementerian Pertahanan berjumlah BND2,914.00 pula disampaikan oleh Yang Mulia Kolonel (Bersara) Norsuriati Binti Haji Sharbini, Setiausaha Tetap (Dasar, Kewangan dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman, Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat serta pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Pertahanan.



## PASCA PERSIDANGAN BELIA PROGRAM KAPAL BELIA ASIA TENGGARA (SSEAYP)



**Berakas, Khamis, 12 Jamadilakhir 1444/5 Januari 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan telah mengadakan sesi pembentangan dan perkongsian Pasca Persidangan Belia Program Kapal belia Asia Tenggara (SSEAYP) 2022.

Seramai 27 orang belia mewakili Negara Brunei Darussalam yang membuat pembentangan tersebut.

Hadir bagi menghadiri pembentangan berkenaan ialah Yang Mulia Dayang Zainab binti Haji Morshidi, Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Yang Mulia Dayang Umi Khalthum binti Haji Abd Karim, Pengarah Belia dan Sukan, Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosfazilah bin Haji Yusly, Timbalan Pengarah Belia dan Sukan serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Belia dan Sukan.



## PROGRAM BISAI: INTEGRITY DALAM PEKERJAAN



**Bandar Seri Begawan, Rabu, 12 Jamadilakhir 1444/5 Januari 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan meneruskan sesi Program Bicara Inspirasi (BiSAI) Tahun 2023 bagi warga Kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya. Program BiSAI hari ini membawakan Forum bertajuk 'Integriti Dalam Pekerjaan : Bersama Membentuk Budaya Kerja Yang Berkualiti Bagi Warga Perkhidmatan Awam', merupakan sesi yang ketiga (3) sejak ia diperkenalkan pada tahun 2022. Forum telah berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut menghadiri forum ini ialah Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Setiausaha Tetap (Kesukunan), Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Kementerian ini telah menjemput tiga (3) panel khas terdiri dari Yang Mulia Dayang Hajah Norashiken binti Haji Mat Salleh, Penyiasat Khas Kanan, Bahagian Pencegahan Rasuah, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dayangku Siti Noryol Faeizah Masayu binti Pengiran Haji Omarali, Pegawai Kakitangan, Unit Penguatkuasaan Tata tertib, Bahagian Perkhidmatan Personel, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, dan Yang Mulia Ustazah Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang, Pegawai Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Manakala Yang Mulia Dayang Nabee-lah Hafizah binti Dr Awang Zainal, Pegawai Audit Dalam (i-Ready) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku moderator.

Forum pagi ini, memfokuskan kepada Integriti Dalam Pekerjaan sebagai satu nilai penting bagi memastikan imej serta disiplin setiap warga Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam sentiasa terjaga. Integriti merupakan sifat jati diri yang merangkumi keikhlasan, amanah, berpegang teguh kepada prinsip, jujur dan bermoral tinggi, bertanggungjawab, saksama, semangat setia kawan, penuh iltizam dan dedikasi dalam melaksanakan tugas dalam kalangan pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam.

## SUMBANGAN BAGI TABUNG KEMANUSIAAN BANJIR PAKISTAN 2022



**Bandar Seri Begawan, Selasa, 24 Jamadilakhir 1444/17 Januari 2023** – Sembilan (9) orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir, kebakaran rumah, tanah susur dan rumah roboh menerima bantuan kerajaan hari ini yang berlangsung di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir menyampaikan bantuan kewangan tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada lima (5) orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir, dua orang (2) ketua keluarga terlibat dalam kejadian kebakaran, seorang (1) ketua keluarga terlibat dalam kejadian tanah susur dan seorang (1) ketua keluarga terlibat dalam kejadian rumah roboh.

Sebanyak lima (5) buah rumah yang terlibat dalam kejadian banjir dimiliki oleh Yang Mulia Abd Halim bin Haji Bujang di Kampung Salambigar, Yang Mulia Awang Tahir bin Haji Abd Rahman di Kampung Belimbang Subok, Yang Mulia Md Amin Zulhabri bin Haji Ibrahim di Kampung Jangsak, Yang Mulia Hajah Rojimah binti Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Siraj di Kampung Burong Pingai Berakas dan sebuah rumah milik Yang Mulia Haji Juinie@ Haji Zainibin Muslim di Kampung Sungai Tanit, Bangar Temburong.

Sebuah rumah yang dimiliki oleh Yang Mulia Yong Sim Fong di Kampung Belimbang Subok telah berlaku kejadian tanah susur pada 13 Disember 2022. Tiada sebarang kecederaan dilaporkan.

Dua (2) buah rumah terlibat dalam kejadian kebakaran masing-masing dimiliki oleh Yang Mulia Juanah @Jainah binti Jahari di Kampung Sinarubai yang berlaku pada 27 Disember 2022 dan Yang Mulia Haji Mat Amit bin Matyassin di Kampung Perpindahan Sungai Bunga pada 11 Januari 2023. Semua penghuni rumah dalam keadaan selamat.

Manakala sebuah rumah yang roboh pada 11 Januari 2023 di Kampung Burong Pingai Ayer dimiliki oleh Yang Mulia Pengiran Rafae bin Pengiran Haji Yassin. Penghuni juga dalam keadaan selamat dan tiada sebarang kecederaan dilaporkan.

Kesemua mangsa-mangsa bencana menerima bantuan kewangan kerajaan hari ini untuk meringankan kesusahan yang dialami demi kesejahteraan mereka sekeluarga. Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.



## **MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADА MANGSA KEJADIAN BENCANA**



**Bandar Seri Begawan, Selasa, 24 Jamadilakhir 1444/17 Januari 2023** - Sembilan (9) orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir, kebakaran rumah, tanah susur dan rumah roboh menerima bantuan kerajaan hari ini yang berlangsung di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir menyampaikan bantuan kewangan tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada lima (5) orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir, dua orang (2) ketua keluarga terlibat dalam kejadian kebakaran, seorang (1) ketua keluarga terlibat dalam kejadian tanah susur dan seorang (1) ketua keluarga terlibat dalam kejadian rumah roboh.

Sebanyak lima (5) buah rumah yang terlibat dalam kejadian banjir dimiliki oleh Yang Mulia Abd Halim bin Haji Bujang di Kampung Salambigar, Yang Mulia Awang Tahir bin Haji Abd Rahman di Kampung Belimbang Subok, Yang Mulia Md Amin Zulhabri bin Haji Ibrahim di Kampung Jangsak, Yang Mulia Hajah Rojimah binti Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Siraj di Kampung Burong Pingai Berakas dan sebuah rumah milik Yang Mulia Haji Juinie@ Haji Zainibin Muslim di Kampung Sungai Tanit, Bangar Temburong.

Sebuah rumah yang dimiliki oleh Yang Mulia Yong Sim Fong di Kampung Belimbang Subok telah berlaku kejadian tanah susur pada 13 Disember 2022. Tiada sebarang kecederaan dilaporkan.

Dua (2) buah rumah terlibat dalam kejadian kebakaran masing-masing dimiliki oleh Yang Mulia Juanah @Jainah binti Jahari di Kampung Sinarubai yang berlaku pada 27 Disember 2022 dan Yang Mulia Haji Mat Amit bin Matyassin di Kampung Perpindahan Sungai Bunga pada 11 Januari 2023. Semua penghuni rumah dalam keadaan selamat.

Manakala sebuah rumah yang roboh pada 11 Januari 2023 di Kampung Burong Pingai Ayer dimiliki oleh Yang Mulia Pengiran Rafee bin Pengiran Haji Yassin. Penghuni juga dalam keadaan selamat dan tiada sebarang kecederaan dilaporkan.

Kesemua mangsa-mangsa bencana menerima bantuan kewangan kerajaan hari ini untuk meringankan kesusahan yang dialami demi kesejahteraan mereka sekeluarga. Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

**PERBINCANGAN BIDANG KERJASAMA DAN KOLABORASI  
DI ANTARA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN  
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**



**Berakas, Khamis, 26 Jamadilakhir 1444/19 Januari 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah membuat perbincangan bidang Kerjasama dan kolaborasi di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Universiti Brunei Darussalam.

Hadir bagi menghadiri perbincangan berkenaan ialah Yang Mulia Dayang Hajah Norashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Yang Mulia Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Sosial serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Belia dan Sukan.

## LAWATAN ISTERI MENTERI KEMENTERIAN LUAR NEGERI MALAYSIA KE MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA

**Bandar Seri Begawan, Selasa, 2 Rejab 1444/24 Januari 2023** - Muzium Alat Kebesaran Diraja menjadi tumpuan lawatan bagi isteri Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Dr Zambry Abdul Kadir, Menteri Luar Negeri Malaysia iaitu isteri Yang Berbahagia Datin Seri Saripah Zulkifli, Penaung Persatuan Wanita Kementerian Luar Negeri (PERWAKILAN) berserta 10 orang ahli-ahli dari PERWAKILAN.

Ketibaan beliau di Muzium Alat Kebesaran Diraja dialu-alukan oleh Yang Mulia, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dalam lawatan tersebut, beliau menyaksikan Pameran Alat-alat Kebesaran Diraja (Perpuspaan 1968), mempamerkan alat-alat Kebesaran Diraja yang digunakan semasa Istiadat Perpuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Galeri Pameran Diraja, yang merakamkan sejarah baginda dari zaman kanak-kanak hingga baginda di-puspakan.

Muzium Alat Kebesaran Diraja dirasmikan pada 30 September 1992 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Majlis Sambutan Jubli Perak 25 Tahun baginda menaiki takhta.

Turut hadir Yang Mulia Pengiran Hajah Mahani bin Pengiran Haji Ahmad, Timbalan Pengarah Muzium, Jabatan Muzium-Muzium.



## MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA PENUBUHAN PUSAT SEJARAH BRUNEI KE-41 TAHUN



**Masjid Kampong Masin, Jumaat, 5 Rejab 1444/27 Januari 2023** - Pusat Sejarah Brunei telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran Sempena Penubuhan Pusat Sejarah Brunei ke-41 tahun.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Pengiran Haji Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar berjemaah dan diteruskan dengan Bacaan Surah Yasin dan Tahlil dan diteruskan lagi dengan Bacaan Doa Kesyukuran.

Majlis diakhiri dengan penyampaian Wakaf.

## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERADUAN PENULISAN SASTERA KREATIF DAN BUKAN KREATIF DBP 2021/2022

**Berakas, Isnin, 8 Rejab 1444/30 Januari 2023** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Penulisan Sastera Kreatif dan Bukan Kreatif DBP 2021/2022 di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Pengiran Haji Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis dimulakan dengan lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', persembahan koir dan seterusnya bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat.


Majlis diteruskan lagi dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abdul Wahab, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dan ucapan tetamu kehormat majlis.

Seterusnya majlis diteruskan dengan Pelancaran Buku-Buku Sastera Kreatif dan Bukan Kreatif dan Persembahan Sketsa.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah dan cenderahati.



## PROGRAM MERAKIT MASYARAKAT



**Berakas, Selasa, 9 Rejab 1444/31 Januari 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat telah mengadakan Program Merakit Masyarakat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Program Merakit Masyarakat adalah untuk memberikan pendedahan, pengetahuan dan menyebarluaskan maklumat mengenai peranan dan isu-isu yang ditangani oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat, khususnya isu-isu yang berkaitan dengan Sistem Kebajikan Negara (SKN); Bantuan Kebajikan Bulanan; Warga Emas dan Pencen-Pencen; Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak; Orang Kelainan Upaya; Kaunseling dan Talian-Talian Kebajikan JAPEM kepada warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir bagi program ini terdiri dari Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan Di bawahnya.



سلامت مِپمبوٽ تاهون بهارو



*Selamat Menyambut Tahun Baharu 2023*



Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



kksb\_brunei



[www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)

**E-POSTER SEMPENA MENYAMBUT TAHUN BAHARU 2023**

الله قلها لك فعشتين طبع

Allah Peliharakan Pengantin Diraja



Merafakkan Sembah Ucapan Tahniah Kehadapan Majlis

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., P.H.B.S.

dengan

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah

Semoga Allah Subhanahu Wa taala akan sentiasa melimpahkan rahmat-Nya dengan nikmat sihat wala'fiat ke atas Mempelai Diraja dan semoga berkekal hingga akhir hayat

Disembahkan dengan tulus ikhlas daripada warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



## E-POSTER MERAFAKKAN SEMBAH UCAPAN TAHNIAH KEHADAPAN MAJLIS DIRAJA



**Dikeluarkan oleh:**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam**

**E-mel: Info@kkbs.gov.bn**

**Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn**

**Instagram: @kkbs\_brunei**

**Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**